

No. Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (16)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 12 TAHUN 2023**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: 23 Oktober 2023

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 JILID 5 (16)

23 OKTOBER 2023

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 12 TAHUN 2023

PENAMBAHBAIKAN KRITERIA SKIM PRIHATIN UNIMAS

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf berhubung penambahbaikan kriteria Skim Prihatin UNIMAS. Kemudahan ini telah dilaksanakan berkuat kuasa mulai sesi kemasukan Semester 1, Sesi 2021/2022 melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2022 bertarikh 10 Februari 2022.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil. 05/2023 Ke-66 bertarikh 18 September 2023 telah bersetuju meluluskan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. Kemudahan Skim Prihatin Versi 2.0 UNIMAS dipanjangkan kepada pesara UNIMAS terhad untuk anak pertama yang berjaya diterima masuk ke peringkat Ijazah Pertama di UNIMAS;
 - ii. Pengecualian Yuran Pengajian, Yuran Berulang dan Yuran Tidak Berulang diberikan untuk anak pertama staf Kumpulan Pelaksana (Gred 40 dan ke bawah); dan
 - iii. Anak staf yang diluluskan permohonan DIBENARKAN untuk mendapat tajaan dari agensi-agensi kewangan berdaftar.
3. Kriteria Skim Prihatin UNIMAS yang terkini seperti di **Lampiran 1**. Penambahbaikan kriteria ini **berkuat kuasa mulai sesi kemasukan Semester 1, Sesi 2023/2024** termasuk bagi penerima yang sedia ada.
4. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2022 – Skim Prihatin UNIMAS bertarikh 10 Februari 2022 adalah **dibatalkan**.
5. Pengurusan Universiti turut berharap agar kemudahan ini dapat menjadi pemangkin kepada staf agar sentiasa memberikan perkhidmatan dan komitmen yang tinggi untuk kecemerlangan UNIMAS. Universiti sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kebijakan staf dan secara berterusan menambah baik kemudahan yang ada.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Haji Azlan bin Ramli
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak

SKIM PRIHATIN UNIMAS

Kemudahan Skim Prihatin UNIMAS (SPU) layak diberikan berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Anak yang tersenarai dan layak melalui sistem pemilihan dan tapisan rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sahaja akan dipertimbangkan;
- b. Hanya anak yang pertama berjaya diterima masuk ke UNIMAS layak diberi pelepasan penuh Yuran Pengajian (tertakluk kepada gred jawatan) sepanjang tempoh pengajian di UNIMAS. Anak yang pertama tidak semestinya anak sulung dalam keluarga tersebut;
- c. Permohonan untuk anak yang seterusnya akan diberikan pengecualian yuran pengajian sebanyak 50%;
- d. Pengecualian yuran adalah bagi pengajian di peringkat Ijazah Pertama sahaja;
- e. Pecahan kemudahan SPU mengikut staf kumpulan adalah seperti berikut;

Gred / Staf Kumpulan	Jenis Pengecualian Yuran	Catatan
Staf Kumpulan Pelaksana Gred 40 ke bawah	Pengecualian Yuran Pengajian, Yuran Tidak Berulang (untuk pelajar ambilan baharu) dan Yuran Berulang (pelajar semasa dan pelajar baharu)	Yuran Berulang termasuk Kesihatan, Takaful, Makmal, Tabung Kebajikan, Penginapan dan Pelbagai Yuran Tidak Berulang : Pendaftaran, Minggu aluan Pelajar, Kad Matrik, alumni, Yuran Kokurikulum, Yuran Pemeriksaan Kesihatan
Staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Gred 41 ke atas DAN PESARA UNIMAS	Pengecualian Yuran Pengajian SAHAJA	

- f. Pengecualian hanya diberi untuk tempoh pengajian program yang diluluskan sahaja. Pengecualian ini tidak termasuk bagi yang mengulang pengajian (melibatkan pertambahan semester dari tempoh pengajian yang sepatutnya) yang mana yuran pengajian untuk semester tambahan berkenaan adalah atas biayaan sendiri;

- g. Anak staf (Pelajar UNIMAS) yang berjaya diberi pengecualian dikehendaki bergiat aktif dalam setiap aktiviti peringkat Universiti, Fakulti dan Kolej Kediaman masing-masing;
- h. Anak staf yang mendapat keistimewaan ini mestilah anak kepada staf warganegara lantikan tetap dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib selama bertugas di UNIMAS. Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada pesara UNIMAS terhad untuk anak pertama yang berjaya diterima masuk ke peringkat Ijazah Pertama di UNIMAS; dan
- i. Bagi tujuan pengesahan, butiran anak staf yang memohon hendaklah merupakan anak di bawah tanggungan yang berumur di bawah 21 tahun (kecuali anak yang tergolong dalam kumpulan OKU), belum berkahwin, dan berdaftar dalam sistem sumber manusia (eHCM) dan HRMIS.